



## LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Individu yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon kekosongan jawatan di dalam Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan di bawah:

#### IKLAN 1/2024 LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF
1	Eksekutif Pentadbiran (Rumah Mampu Milik)	9	Eksekutif	Tetap

#### KETERANGAN

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dengan melayari <https://www.lpnpp.gov.my>
2. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) 10503 Pulau Pinang
3. Tarikh tutup permohonan pada **21 Mei 2024 (Selasa)**.



**LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG  
PARAS 20, KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)  
10503 PULAU PINANG**

Syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai jawatan di atas adalah seperti berikut:

**IKLAN 1/2024 LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG**

1. (a) **Jawatan** : **Eksekutif Pentadbiran (Rumah Mampu Milik)**
- (b) **Kumpulan Perkhidmatan** : Eksekutif
- (c) **Bidang Perkhidmatan** :
  - i. Ekonomi
  - ii. Pentadbiran Am/Perniagaan
  - iii. Kejuruteraan/Ukur Bahan/Arkitek
  - iv. Perundangan
2. **Gred 9** : Penetapan Gaji Permulaan RM3,335.00
3. **Syarat Lantikan** :

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Kepujian dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan)
- (d) (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - (Gaji permulaan ialah gaji minimum Gred 9); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun.

(Gaji permulaan ialah tambahan 10% daripada gaji minimum Gred 9); atau

- (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas yang diiktiraf oleh kerajaan.

[Senarai Badan Ikhtisas yang diiktiraf oleh kerajaan]

(Gaji permulaan ialah tambahan 10% daripada gaji minimum Gred 9); atau

- (iv) Keutamaan bagi calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran/perundangan/pemasaran.

- (e) Tambahan % gaji permulaan daripada gaji minimum Gred 9 adalah khusus bagi bidang tugas yang berkaitan dengan sesuatu kelayakan/pengalaman itu sahaja.

4. **Peningkatan Secara Lantikan** : (a) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Eksekutif/Pembantu Eksekutif/Pembantu Am adalah layak dipertimbangkan oleh LPNPP untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif Gred 9 yang kosong berdasarkan kepada bidang perkhidmatan yang berkenaan, apabila telah disahkan perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(d) di atas; dan  
(ii) lulus temuduga khas yang ditetapkan;

- (b) berumur kurang daripada 58 tahun dari tarikh lantikan.

5. **Penetapan Gaji Permulaan Lebih Tinggi** : Gaji permulaan yang lebih tinggi pada gred lantikan boleh ditetapkan oleh LPNPP berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

- 6. Tempoh Percubaan**
- : Eksekutif Pentadbiran yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama enam (6) bulan dari tarikh lantikan. Sekiranya pegawai gagal disahkan dalam tempoh tersebut, lanjutan tempoh percubaan adalah selama enam (6) bulan.
- Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai gagal disahkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh lantikan, perkhidmatan pegawai akan ditamatkan.
- 7. Latihan**
- : Eksekutif Pentadbiran boleh dikehendaki mengikuti kursus/latihan yang ditetapkan oleh LPNPP.
- 8. Pengesahan Dalam Perkhidmatan**
- : Eksekutif Pentadbiran yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) Memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) Hadir dengan jayanya kursus jabatan;
  - (c) Lulus temuduga khas yang ditetapkan; dan
  - (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- 9. Pergerakan Gaji Tahunan**
- : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh LPNPP berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 10. Syarat Pemangkuuan**
- : Jawatan yang dipangku hendaklah mematuhi ketetapan seperti berikut:
- (a) gred yang lebih tinggi daripada jawatan yang disandang oleh pegawai;
  - (b) tempoh pemangkuuan adalah selama enam (6) bulan dari tarikh mula pemangkuuan. Sekiranya pegawai gagal disahkan dalam gred pemangkuuan, pegawai akan kembali ke gred asal pegawai; dan
  - (c) pengesahan ke gred pemangkuuan adalah berdasarkan perakuan Ketua Jabatan.